

BAB EMPAT

RUMUSAN

Hakcipta ialah isu lama yang telah diambil perhatian oleh undang-undang Inggeris dan diberi perlindungan oleh undang-undang yang digubal. Di Malaysia, sebagai sebuah negara yang banyak berpandukan undang-undang Inggeris juga turut memberikan perlindungan undang-undang kepada hakcipta. Kini undang-undang berkaitan hakcipta dikenali sebagai Akta Hakcipta 1987. Hakcipta diberi perlindungan kerana ia termasuk di dalam salah satu daripada jenis harta intelek. Harta intelek pula ialah salah satu daripada jenis harta yang diiktiraf oleh undang-undang Barat selain daripada harta alih dan harta tak alih. Perlindungan undang-undang adalah perlu bagi mengelak sebarang eksplotasi oleh orang lain untuk tujuan mendapatkan keuntungan yang besar dalam zaman yang serba moden dan canggih, juga untuk menjamin industri multi media supaya berkembang dengan baik.

Namun begitu, di negara ini, persoalan mengenai hakcipta sama ada termasuk di dalam kategori harta atau tidak menurut Islam tidak pernah lagi mendapat tempat dalam perbincangan di kalangan ilmuan Islam sehingga ke hari ini. Hal ini terjadi kerana bidang kuasa undang-undang Islam yang amat terbatas dan persoalan hakcipta terletak di bawah bidang kuasa kerajaan Persekutuan. Hanya berdasarkan undang-undang yang diadaptasikan dari Barat dengan sedikit pengubahsuaian agar selari dengan keadaan di Malaysia. Walau apa pun, ini tidak

menafikan bahawa hakcipta tetap diambil kira di dalam kategori hukum atau undang-undang Islam. Ini kerana setiap isu yang terlibat dengan kehidupan individu dan masyarakat tetap tunduk kepada satu daripada tiga kategori iaitu harus atau tidak, boleh atau tidak boleh dan penerimaan dengan pindaan. Justeru itu, persoalan mengenai konsep harta di dalam Islam perlu ditafsirkan dan diperkembangkan sejajar dengan situasi dan keperluan semasa.

Hasil penelitian terhadap pandangan fuqaha' klasik Islam, ternyata tiada pentafsiran yang khusus dalam menginterpretasikan konsep harta. Pelbagai definisi telah diberikan oleh mereka sesuai dengan keperluan dan suasana semasa. Dari segi bahasa, harta lebih difahami sebagai sesuatu yang berbentuk mata benda atau fizikal. Begitu juga dengan sesetengah fuqaha' yang menekankan faktor fizikal sebagai asas kepada harta seperti Imām Ḥanāfi. Tetapi, fuqaha' yang lain pula tidak menitikberatkan unsur fizikal, malah mengutamakan manfaat dalam menghuraikan kosep harta sehingga mengkategorikan hak dan manfaat juga sebagai harta. Perbezaan dan kepelbagai definisi dan pandangan ini membawa erti bahawa konsep harta di dalam Islam sebenarnya luas dan boleh dikembangkan dari semasa ke semasa sejajar dengan sifat hukum Islam yang fleksibel. Apa yang penting, prinsip-prinsip am yang digariskan Syarak tidak diketepikan dalam keghairahan mentafsirkan konsep harta ini.

Tiga unsur utama kehartaan iaitu harta ialah sesuatu yang boleh dimiliki, bermanfaat dan bernilai adalah dasar utama yang diberi perhatian dalam

mentafsirkan konsep harta pada masa kini Ternyata, ketiga-tiga unsur tersebut wujud pada hakcipta.

Sebagaimana yang diketahui, hakcipta ialah hak eksklusif yang dilindungi oleh undang-undang ke atas hasil ciptaan atau karya-karya yang dihasilkan. Karya-karya yang dihasilkan terbukti memenuhi tiga unsur kehartaan tadi. Walaupun ia pada asalnya tidak berbentuk fizikal tetapi berkemampuan untuk dikuasai dan dimiliki kerana karya-karya hakcipta dilindungi apabila ianya dijadikan dalam bentuk bahan atau sebarang penetapan lain. Seterusnya, pengiktirafan undang-undang memudahkan lagi proses pengawalan ke atasnya. Karya-karya hakcipta juga dikatakan bermanfaat dan memberikan sumbangan yang besar kepada individu, masyarakat mahupun negara. Jua mempunyai nilai dagangan yang tinggi sebagai sumber pendapatan kewangan yang menguntungkan. Pengeksploitasi terhadap karya ini membawa kepada kerugian kepada pemiliknya. Justeru itu, karya-karya hakcipta boleh dikategorikan sebagai harta menurut Islam dan mana-mana hak yang berkaitan dengannya juga dianggap sebagai harta. Pandangan Jumhur fuqaha' termasuk Imām Syafī'ī dalam persoalan hak dan manfaat wajar diterimakan pada hari ini kerana ianya lebih relevan dengan maslahah semasa.

Sebenarnya, persoalan hakcipta yang tidak diperbincangkan oleh fuqaha' sama ada dahulu dan sekarang ialah atas sifatnya sama ada termasuk di dalam konsep harta atau tidak. Ada kemungkinan bahawa ianya tidak diperbincangkan

kerana tidak timbul masalah pengeksplorasi terhadap hasil karya hakcipta dan karya-karya hakcipta tidak menjadi sumber ekonomi yang utama kepada seseorang di samping kemajuan sains dan teknologi tidak sampai ke tahap seperti yang ada pada hari ini. Walau bagaimanapun, fuqaha' klasik dan fuqaha' kini ada memperbincangkan tentang kedudukan karya-karya seni seperti muzik, nyanyian, karya sastera, filem, drama, lukisan, fotografi dan lain-lain. Skop perbincangan itu biasanya tertumpu kepada sejauhmanakah ianya diharuskan atau tidak di dalam Islam dan tidak melibatkan hakcipta dan kaitannya dengan harta. Asas kepada penentuan sama ada sesuatu karya itu harus atau tidak sebagaimana yang dirumuskan oleh fuqaha' klasik dan dinukilkan oleh fuqaha' kini ialah sama ada ianya membawa kebaikan dan keuntungan atau membawa keburukan dan kerugian. Dengan perkataan lain, karya seni itu boleh dibahagikan kepada dua iaitu halal dan haram. Mana-mana karya yang mendatangkan kebaikan dan keuntungan adalah karya yang diharuskan manakala sebaliknya, karya yang membawa kepada keburukan dan kemudharatan adalah dilarang. Asas ini selaras dengan prinsip umum Islam bahawa sesuatu yang membawa kepada perkara haram adalah diharamkan dan begitulah sebaliknya. Perbincangan ini perlu dijadikan garis panduan dalam persoalan mengenai hakcipta. Sehubungan dengan itu, hanya karya hakcipta yang harus sahaja iaitu tidak membawa kepada keburukan dan kemudharatan boleh dikategorikan sebagai harta menurut Islam. Oleh itu, hakcipta juga hanya terhad kepada karya-karya yang harus sahaja. Asas perhukuman ini perlu diberi perhatian kerana justifikasi kepada manfaat dan bernilainya sesuatu harta itu adalah berdasarkan penilaian Syarak, bukan penilaian

manusia semata-mata. Apa yang baik dan bernilai di sisi manusia tidak semestinya bernilai di sisi Syarak.

Meneliti kepada karya-karya yang dilindungi oleh hakcipta kini, khususnya sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta 1987, jelas menunjukkan bahawa perlindungan hakcipta diberikan kepada semua karya yang termasuk di bawah hakcipta sama ada ianya diharuskan Syarak ataupun tidak. Oleh itu, tidak semua karya tersebut diiktiraf Syarak, malah apa yang diiktiraf oleh Islam hanya terhad kepada karya yang diharuskan sahaja. Penyaringan perlu dilakukan bagi mengenepikan karya-karya yang dilarang dan diharamkan menurut Islam.

Seterusnya, walaupun hakcipta pada asalnya bermula dengan perkembangan di Barat, tidak bermakna Islam tidak mengambil perhatian. Malah ketiadaan perbincangan fuqaha' mengenainya secara khusus sebelum ini tidak bererti ia tidak termasuk di dalam kategori hukum Islam. Undang-undang hakcipta yang ada pada hari ini khususnya Akta Hakcipta 1987, walaupun berdasarkan undang-undang Inggeris tetapi ia boleh diterima oleh Islam dengan pindaan dan pengubahsuaian agar selari dengan tuntutan Syarak. Keharusan ini menggambarkan keanjalan hukum Islam bagi memastikan ianya mampu bersama persoalan semasa. Pemerintah diberi kuasa eksklusif untuk mengadakan sebarang bentuk peraturan dan undang-undang selaras dengan keperluan *siyāsah syar'iyah* yang bertujuan untuk menjaga kemaslahatan umat manusia seluruhnya dengan

berlandaskan prinsip umum yang digariskan oleh Syarak. Kaedah fiqh menyebut bahawa *Taṣarruf al-Imām ‘alā al-Ra`iyyah manūtun bi al-maslahah* yang bermaksud “*tindak tanduk pemimpin ke atas rakyat adalah berdasarkan kepada kemaslahatan.*” Di sini, ternyata maslahah amat dititikberatkan oleh Islam sehingga menjadi salah satu daripada sumber hukum Islam dan lebih dikenali dengan istilah *maṣāliḥ al-mursalah*. Namun, pertimbangan kepada maslahah ialah pertimbangan Syarak, bukan pertimbangan manusia dan hawa nafsu semata-mata. Oleh itu, maslahah yang diterima perlu melalui suatu proses bagi menimbang sesuatu maslahah itu diterima atau ditolak mengikut Syarak sebagaimana yang digariskan oleh fuqaha’. Bertitik tolak dari sini, hakcipta dan undang-undang yang diterimakan pada hari ini dapat diterima oleh Islam sebagai suatu yang baik dan seiring dengan Syarak jika dilakukan pindaan dan pengubahsuaian terhadap karya-karya yang ada bagi memastikan tidak ada yang bercanggah dengan kehendak Syarak.

Penerimaan Islam terhadap hakcipta juga merupakan suatu yang wajar walaupun tidak dijelaskan oleh nas secara langsung tetapi terdapat beberapa prinsip umum yang boleh diterimakan dalam konteks ini. Antaranya ialah prinsip keadilan yang menjadi teras dalam perundangan Islam. Dua objektif utama kepada undang-undang hakcipta ialah untuk menjaga hak ekonomi dan hak moral pemilik karya hakcipta. Adalah menjadi suatu ketidakadilan apabila seseorang yang berpenat lelah bagi menghasilkan sesuatu karya atau sesebuah syarikat yang telah membelanjakan modal yang banyak untuk menerbitkan sesuatu karya atau

membelanjakan wang yang besar untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan bagi mengeluarkan ciptaan baru tetapi segala usaha tersebut tidak membawa keuntungan, malah sebaliknya orang lain yang mendapat keuntungan. Dalam erti kata yang lain, hakcipta memberikan keadilan kepada individu untuk menikmati hasil usahanya. Hal ini seterusnya pula sejajar dengan jaminan Allah s.w.t di dalam al-Qur'ān, *sūrah al-Nisā'*, ayat 32 bahawa seseorang itu adalah berhak ke atas usaha masing-masing dan haknya itu tidak boleh dicabuli oleh orang lain.

Malaysia khususnya dan dunia amnya sedang menuju ke zaman Teknologi Maklumat (IT). Keperluan kepada sebarang bentuk teknologi moden terutamanya yang melibatkan perisian komputer menjadi begitu ketara sekali. Dan kesemuanya ini melibatkan hakcipta. Ia perlu dilindungi kerana kegagalan melindungi hakcipta boleh menggagalkan cita-cita untuk maju terutama di dalam industri multi media. Islam juga mementingkan kemajuan teknologi seperti ini dan dalam masa yang sama Islam juga mementingkan pembangunan insan. Demi mencapai keseimbangan ini, intelek Islam perlu menampilkkan diri dalam hal yang berkaitan dengan persoalan hakcipta dengan memperkenalkan garis panduan karya-karya yang diharuskan Syarak dan memastikan ianya dilindungi. Jika karya-karya ciptaan yang diharamkan Syarak tidak disekat, keseimbangan di antara pembangunan negara dan pembangunan insan tidak akan berlaku.

Akhir sekali, perlu ditegaskan bahawa, perbezaan realiti hidup dan keperluan semasa perlu diambil kira dalam mentafsirkan konsep harta sebagai

termasuk hakcipta. Merujuk kepada sejarah perkembangan hukum Islam, apa yang disebutkan sebagai hukum itu biasanya bukan terbina atas nas Syarak semata-mata tetapi juga dipengaruhi oleh nilai intelektual mujtahid yang menentukan hukum tersebut, nilai ilmu semasa, realiti hidup serta budaya setempat dan semasa. Kaedah pembinaan hukum Islam atau *Usūl al-Fiqh* juga mengakui hakikat ini. Mengikut kaedah tersebut, sumber hukum Islam yang sebenarnya ialah *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* iaitu yang dinamakannya sebagai sumber asli atau asas. Namun di samping sumber ini, ada lagi sumber tambahan. Ia berfungsi sebagai alat buat mentafsir kehendak nas *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* yang kebanyakannya bersifat prinsipal dan umum. Sumber tambahan inilah yang banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur intelektual, ilmu dan realiti semasa yang disebutkan tadi. Oleh itu, kita perlu kembali kepada nas Syarak dengan melakukan pentafsiran yang sesuai dengan nilai intelektual, mentaliti, ilmu, suasana dan persekitaran sezaman kerana apa yang bersifat muqaddas dan kekal abadi hanya nas-nas Syarak, sedangkan pentafsiran para ulama' terhadapnya sentiasa terdedah kepada pembaharuan mengikut perkembangan yang ada dalam setiap bidang hidupnya. Hari ini, ternyata kegiatan menghasilkan karya hakcipta begitu meningkat dan menarik kecenderungan ramai orang tanpa mengambil kira pandangan Islam dan ketetapannya. Maka jadilah ia bercampur-campur di antara yang diharuskan dan yang dilarang. Jadi, di sini wujudnya keperluan untuk mengetengahkan prinsip dan peraturan Islam berkenaan dengan hakcipta agar semuanya mendapat keredhaan Allah s.w.t.

Pada hari ini juga, ramai pencipta karya menjadikan tugas itu sebagai sumber pendapatan yang utama. Oleh itu, mereka sepatutnya diberikan kesedaran dan maklumat tentang konsep mencari rezeki yang halal sebagaimana yang digalakkan oleh Islam. Dengan ini keghairahan mencari rezeki tidak akan mengenepikan pembangunan insan dengan tidak melahirkan karya dan ciptaan yang membawa kepada kemusnahan dan kemudharatan kepada masyarakat.

Seterusnya, pihak kerajaan, ahli-ahli undang-undang, ulama' dan masyarakat mesti bergabung tenaga untuk mengemaskinikan peruntukan undang-undang mengenai hakcipta. Usaha penilaian dan pengubahsuaian perlu dilakukan agar ianya selaras dengan kehendak Islam. Melihat kepada Akta Hakcipta 1987, beberapa peruntukan sebagai contohnya perlu diubah dan diperincikan. Seksyen 7 (1) misalnya, karya-karya yang layak mendapat perlindungan hakcipta itu perlu disyaratkan dengan syarat-syarat dan peraturan yang digariskan Islam agar ia tidak termasuk di dalam jenis karya yang diharamkan, selain daripada pra syarat kelayakan yang telah memang sedia ditetapkan. Kepatuhan kepada peraturan Islam akan dapat mengawal sebarang bentuk karya-karya dan ciptaan yang boleh membawa kepada keruntuhan moral dan gejala maksiat serta lain-lain keburukan kepada masyarakat.